

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Pada 31 ogos 1957 ini bagi kita anggota

Ikhwan tentunya berasa syukur dapat menyertai suatu perayaan yang besar ertinya di dalam sejarah Tanah Melayu iaitu dengan menyambut Hari Kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Bagi anggota-anggota Ikhwan seluruhnya, khususnya yang berada di Tanah Melayu, diharap dalam menyambut hari yang gembira ini kita tidak akan melupakan tanggungjawab kita, kepada kewajipan kita menegakkan kalimah Tuhan. Di sini kita berharap akan dapat berbuat dan lebih bebas menyedarkan tanggungjawab kita untuk menegakkan kalimah Tuhan di negara kita ini dan kerana itulah tatkala akan menyambutnya janganlah kita melupakan sama sekali kepada tujuan hidup kita di dunia ini untuk berbakti kepada Allah Tuhan yang Maha Kaya yang dengannya kita berikrar, yang dengannya kita mengakui bahawa hidup kita, mati kita adalah kerana Allah *subhānahu wa ta'ālā*.

Saudara-saudara anggota Ikhwan tentu akan bersetuju dengan pucuk pimpinan Ikhwan bahawa tidak ada ertinya sesuatu kemerdekaan itu kalau tidak diisi. Isi kemerdekaan yang utama yang dipertanggungjawabkan kepada kita ialah supaya di dalam semua kerja-kerja menjalankan *amar ma'rūf* dan *nahī munkar* – ertinya menyeru orang kepada baik-baik, berakhlak baik, berkelakuan baik, budi baik dan menegah dari segala kejahatan, daripada berupa-rupe kejahatan yang menghinakan dan merendahkan diri. Saudara-saudara anggota Ikhwan tentu meyakinkan bahawa

anggota-anggota Ikhwan bertanggungjawab besar untuk mengisi tujuan-tujuan itu, untuk menyeru umat supaya hidup berfaedah, hidup tunduk kepada kekuasaan Tuhan yang menjadikan kita, hidup di bawah bendera *lā ilaha illā Allāh Muḥammad rasūl Allāh*, menjalankan segala seruan-seruan-Nya dan menegah kemungkaran yang dibenci oleh-Nya. Kita di dalam hidup ini tidak akan berjaya selagi kita sendiri tidak mahu bersama-sama menyelenggarakannya dan membiarkan perbuatan maksiat bermaharajalela dan kita tidak akan berjaya kepada tujuan-tujuan itu selagi kita tidak mahu merapatkan diri kepada tali Tuhan dan selagi kita tidak mahu berhubungan dengan sama manusia seperti firman-Nya: (Maksudnya:)

“Kalau manusia hidup membelakangkan Tuhan, menjauhkan diri daripada Tuhan, tidak mahu menghubungkan dirinya kepada Tuhan ia tidak akan dapat petunjuk hidup di dunia sebab kerana jika hidup dengan peraturan-peraturan yang diperintahkan oleh Tuhan tidak menjalankannya maka tidak dapat tiada hidup kita itu tidak akan berjaya kesudahannya.

Sebab itulah saudara-saudara anggota Ikhwan mesti mengingat kewajipan dan tanggungjawab kita di dalam merdeka itu nanti – jangan kita hanya bergembira menyambutnya tetapi tidak mahu mencari jalan mengisi kemerdekaan itu dengan isi yang disuruh oleh Tuhan.

-Sambungannya ke muka 19

sangkaan orang yang mengatakan, bahawa orang-orang Kristian dahulu memeluk Islam kerana paksaan mata pedang.

Anggapan ini nyata bertentangan dengan kenyataan sejarah dan keadaan yang sebenarnya.

Jika kita hendak mengetahui mengapa mereka itu dalam zaman Islam yang pertama dahulu, berduyun-duyun datang memeluk agama Islam, hendaklah kita cari sebab-sebabnya yang lain. Tetapi mata pedang, sudah jelas bukan sebabnya.

Sir Thomas Arnold antara lain, berkata:

Di bawah peraturan keamanan yang menjamin kebebasan hidup, kebebasan bermilik dan kebebasan memeluk agama, maka orang-orang Kristian, terutama yang berdiam di bandar-bandar besar, dapat merasai nikmat kesenangan dalam hak miliknya dan dalam menyiarkan cita-cita dan ajaran agamanya. Banyak di antara mereka yang mempunyai pengaruh dan kedudukan yang baik di dalam istana Raja-raja atau khalifah-khalifah Islam.

Di antara mereka itu ada dua orang yang telah memegang

---

-Sambungan dari muka 16

supaya kita menanggungjawab kepada Tuhan nanti apabila ditanya apakah yang telah kita buat di dalam hidup kita untuk menegakkan kalimah Tuhan selagi ada hayat di badan kita dengan pengorbanan, dengan jihad: Jihad harta, jihad tenaga dan jika perlu dengan jihad nyawa itulah ikrar dan janji kita di hadapan Tuhan untuk kemuliaan agamanya.

Sekali lagi kita memperingatkan pada anggota-anggota Ikhwan sambutlah kemerdekaan itu dengan sambutan – jangan hanya dengan kegembiraan – sambutlah ia dengan menginsafi isi dan tanggungjawab kita kepada Tuhan yang dilaksanakan di dalamnya – ertinya kita tidak mensiakan segala peluang yang kita dapat daripadanya untuk kebajikan menegakkan cita-cita meninggikan kalimah Tuhan. \* \* \*

jawatan Menteri dan menguruskan Jabatan Kewangan, dalam zaman Khalifah al-Mu'tašim dari khalifah-khalifah Abbasiyyah.

Seorang lagi dari kaum Kristian iaitu Naşr bin Hārūn telah menjadi menteri dalam zaman Raja Ađid al-Dawlah bin Buwayh.

Pengarang Barat itu kemudian menyebutkan beberapa contoh dari jasa-jasa kemurahan khalifah-khalifah Islam terhadap rakyatnya yang beragama Kristian seperti: Gereja-gereja yang didirikan atas belanja negara, seperti yang dapati di al-Jaza'ir, Iraq, Syam dan Mesir. Dan banyak di antaranya yang masih terdiri hingga hari ini.

Lebih lanjut kita persilakan sidang pembaca membaca karangan Sir Thomas Arnold yang tersebut dan kitab-kitab pengambilannya yang disebutkan olehnya di dalamnya, baik karangan pengarang-pengarang asing ataupun karangan pengarang-pengarang Islam sendiri.

Dalam buku "Perkembangan Islam" karangan Sir Thomas Arnold itu, disebutkan juga sebab-sebabnya orang-orang Kristian dahulu berduyun-duyun memeluk agama Islam dengan penyiasatan yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan alasan-alasan yang makbul.

Walaupun bagaimanapun juga, sejarah mengakui, bahawa umat Islam, dalam peredaran sejarahnya, tetap menduduki tempat yang di atas sekali, yang tidak dapat ditentangi oleh sesiapa pun, dalam sikap berlapang dada dan bertolak ansur, dan dalam menjalankan keadilan terhadap pemeluk-pemeluk agama lain.

### **Soal Tekanan Mata Pedang**

Orang-orang Kristian yang meninggalkan agama mereka, lalu memeluk agama Islam, adakah kerana hairan melihat agama yang baharu itu, atautah kerana jemu melihat perpecahan yang tidak habis-habisnya dalam kalangan mereka, atautah kerana putus asa bagi memperbaiki kerosakan

yang telah terjadi dalam agama lama mereka, ataukah kerana hendak mengelakkan diri daripada gangguan pihaknya sendiri, ataukah kerana nasib mereka disiakan oleh paderi-paderi mereka, ataukah kerana mereka berharap dengan sesungguhnya akan petunjuk Allah, nampaknya ahli-ahli penyiasat mempunyai tafsiran yang berlainan tentang ini, tetapi jelaslah bahawa mata pedang bukanlah yang menjadi sebabnya.

Sebenarnya Islam sentiasa menjauhi mata pedang dari lapangan penyiaran.

Betul, di dalam sejarah Islam ada beberapa kejadian yang menyakiti beberapa orang Kristian. Peristiwa-peristiwa yang seperti ini kebanyakannya terjadi dalam masa khalifah al-Mutawakkil (dari Bani ‘Abbās) dan khalifah al-Hākim bi Amri Allāh (dari keturunan Fātimiyyah).

Khalifah al-Mutawakkil itu, memang terkenal seorang khalifah yang kejam, biar pun terhadap orang-orang Islam sendiri, terutama terhadap golongan Syiah dan Muktazilah. Demikian juga khalifah al-Hākim bi Amri Allāh, terkenal dengan kekejamannya kepada orang-orang Islam yang tidak bermazhab Syiah.

Jika orang-orang Kristian banyak mendapat gangguan dari kedua-dua khalifah ini, maka orang-orang Islam sendiri pun banyak yang mengalami nasib demikian.

Tetapi peristiwa-peristiwa ini ialah peristiwa luar biasa dan nyata menyimpang dari dasar ajaran Islam, dan juga tidak dapat dijadikan hujah.

Adanya peristiwa-peristiwa yang tersendiri seperti ini, dan yang hanya terjadi sekali dua dalam sejarah sesuatu agama, yang lebih dari seribu tahun umurnya, adalah menjadi bukti, bahawa agama yang demikian itu, pada dasarnya tidak menjalankan paksaan.

## **Kerana Politik**

Patut juga diakui, selain dari peristiwa-peristiwa yang tersebut, masih ada beberapa orang Kristian yang dihukum dan seksa oleh pihak hakim Islam.

Kejadian ini, sebabnya ialah kerana di antara orang-orang Kristian yang tinggal dalam negara Islam ada yang menjadi pengintip rahsia bagi orang-orang Kristian yang tinggal di luar negara Islam.

Peristiwa-peristiwa yang seperti ini yang kerap kali berlaku di Mesir, Syria, Turki, Sepanyol dan lain-lainnya, ialah kerana soal politik, bukan kerana agama atau kerana hendak memaksakan orang memeluk agama Islam.

Ahli-ahli sejarah mengakui, bahawa salah satu dari kemegahan umat Islam yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa di dalam sejarah mereka tidak didapati undang-undang atau aturan yang membenarkan kekejaman dan kezaliman, seperti undang-undang yang telah melenyapkan Islam dari Sepanyol yang dijalankan dalam zaman Raja Ferdinand dan Isabella, atau seperti undang-undang yang telah melenyapkan iktikad kepercayaan Protestan dari Perancis yang dijalankan dalam zaman Louise yang keempat belas, atau seperti undang-undang yang melarang orang Yahudi masuk ke tanah Inggeris selama empat kurun.

Sir Thomas Arnold berkata: “Bahawa masih berdirinya gereja-gereja Kristian dalam keadaan tersendiri di benua timur Islam berkurun-kurun lamanya, adalah menjadi bukti yang nyata tentang adanya sifat berlapang dada yang seluas-luasnya di dalam negeri-negeri Islam itu.”

Jadi jelaslah, bahawa bukan mata pedang yang dipakai oleh Islam menjadi jambatan bagi memasukkan hati sanubari manusia. Jika Islam pada suatu masa pernah menggunakan mata pedang, maka senjata itu hanya digunakannya bagi melindungi jiwa dan diri beribu-ribu

umat manusia dengan tidak memandang adakah ia orang Islam atau orang Yahudi atau pun orang Kristian.

Orang Islam tidak akan menggunakan mata pedang kepada suatu kaum yang telah dijamin oleh Rasulullah (SAW) segala hak-hak kebebasan mereka, kebebasan diri, kebebasan memiliki, dan kebebasan memeluk agama bahkan telah dijamin keselamatan paderi-paderi dan ketua-ketua agama mereka.

Di dalam *al-Qur'an al-Karim* telah disebut perihal mereka, maksudnya:

“Engkau akan dapati manusia yang amat keras permusuhannya kepada orang-orang yang beriman, ialah orang Yahudi dan mereka yang mempersekutukan Allah. Dan engkau akan dapati sehampir-hampir orang dalam berkasih sayang kepada orang yang beriman, ialah mereka yang berkata: “Sesungguhnya

kami ialah orang Nasara”. Yang demikian itu, disebabkan di antara mereka ada paderi-paderi dan orang-orang pertapaan, dan disebabkan mereka tidak sombong.” (82, *al-Mā'idah*).

#### “Taksub” Ciptaan Barat.

Di atas dasar yang suci ini, jiwa manusia dilepaskan dengan bebas dalam menuruti petunjuk Allah.

Di atas dasar yang suci ini, tumbuh dan kekal perhubungan baik antara bangsa timur seluruhnya.

Di atas dasar yang suci ini juga, perhubungan yang baik itu akan terus tumbuh dan hidup kekal menjadi saksi menyalahkan sikap fanatik dari Barat yang memburuk-burukkan Islam kerana sempitnya dada mereka sendiri dan kerana mereka tidak insaf.



*Sebahagian dari murid-murid Madrasah al-Tarsāwiyah, Pulau Kiri Perak. Bertanda (1) al-Hāj Muhammad Zayn Naib Qadi Mukim Pulau Kiri, (2) Ustaz Putih Ismail Mudir Madrasah, (3) Ustaz Muhammad Latif Yang Dipertua Madrasah (4) A. Abu Bakar Setiausaha, (5) Ustaz Amir Sama'un (Ikhwan 2799), (6) Ustaz Muhammad Saman – Penasihat, dan yang lainnya jawatankuasa – Kiriman Ikhwan 3590.*